

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
bisnes@hmetro.com.my
Kuala Terengganu

Pengeluar dan penge-
dar produk kesihatan,
Atnetwork Marketing
kini mengintai peluang un-
tuk meneroka pasaran di se-
luruh negara selepas berjaya
menguasai sebahagian besar
pasaran di Pantai Timur.

Syarikat berkenaan yang
menghasilkan pelbagai
produk dengan jen-
ma Power Sengoty
kini memfokuskan
kepada produk
suplemen ber-
bentuk tablet se-
suai digunakan un-
tuk perkembangan
minda bagi merangsang-
kan daya ingatan.

Pengarah Urusan Atnet-
work Marketing, Bahar-
uddin Awang berkata, pihak-
nya menyasarkan 500,000
tablet diedarkan di seluruh
negara selain cuba untuk
meneroka pasaran di Singa-
pura, Brunei dan Indonesia.

Menurutnya, produk ber-
kenaan mengandungi kis-
mis, madu dan susu kam-
bing selain khasiat Omega 3
yang sesuai untuk minda.

"Tidak semua kanak-ka-
nak gemarkan kismis atau
susu kambing, jadi kami
menghasilkan sesuatu yang
digemari iaitu tablet berpe-
risa coklat."

"Kami percaya produk ini
mampu bersaing dalam pa-
saran di seluruh negara dan
menjadi pilihan pengguna
seperti produk keluaran
syarikat sebelum ini," ka-

Teroka seluruh negara

■ Atnetwork Marketing optimis jual 500,000 tablet kesihatan

FAKTA
Atnetwork
mendapat kelulusan
KKM selain menjalani
skim MeSTI



BAHARUDDIN bersama pengurus jualannya Azinah Awang menunjukkan produk keluaran syarikatnya.

tanya.

Selain tablet Minda IQ Ge-
nius, syarikat itu turut me-
ngeluarkan set pelbagai pro-
duk kecantikan dan makanan
kesihatan seperti sabun
muka, kolagen dan minuman
kesihatan yang sememangnya
dikenali di Kelantan, Te-
rengganu dan Pahang.

"Dengan adanya produk
ini, kami akan menembusi

pasaran di seluruh negara
dan yakin jenama Power Se-
ngoty akan mendapat tem-
pat di hati pengguna."

"Selain itu, kami juga se-
dang mencari stokis atau ejen
dan mereka yang berminat
boleh melayari www.sengoty.com atau www.facebook.com/sengoty," katanya.

Menurutnya, dengan mar-
gin keuntungan tinggi, At-

network amat berharap
mampu melahirkan lebih ra-
mai usahawan Bumiputera
selain membantu mereka
yang ingin keluar dari be-
lenggu masalah kewangan.

Baharuddin berkata,
pengguna tidak perlu bim-
bang dengan produk kelu-
aran syarikatnya kerana
mereka mempunyai pasu-
kan penyelidikan dan pem-

bangunan (R&D) di bawah
Universiti Putra Malaysia
(UPM) bagi memberi tumpuan
dalam penghasilan produk
kesihatan.

"Selain dijamin halal, pro-
duk kami juga mendapat kel-
ulusan Kementerian Kesihatan
Malaysia (KKM) selain
menjalani skim Makanan
Selamat Tanggungjawab In-
dustri (MeSTI)," katanya.